

**27/09/2012 - Majlis Perasmian Persidangan CIO 2012, Hari Terbuka Transformasi
Perkhidmatan Online & Infrastruktur ICT Sektor Awam**

“Nexus Of Forces”: Menerajui Teknologi, Memperkasakan ICT”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

YBhg Dato’ Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah MAMPU

YBhg Dato’ Dr. Madinah Mohamad
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

YBhg Datuk Kamarul Zaman Md Isa
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan

Yang Berhormat Datuk Wira Omar Kaseh
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berbahagia Datuk Othman Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

Ketua-ketua Pegawai Maklumat atau Chief Information Officer (CIO) dari agensi-agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan pihak industri.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, maka kita dapat bersama-sama dalam majlis yang penuh bersejarah pada hari ini. Persidangan CIO 2012 yang bertemakan “Nexus of Forces: Convergence of Cloud, Mobility, Social Media and Big Data” pada kali ini diadakan buat julung kalinya secara serentak dengan Hari Terbuka Transformasi Perkhidmatan Online dan Infrastruktur ICT Sektor Awam. Penganjuran persidangan berserta Hari Terbuka ini menyediakan platform yang terbaik bagi menjana idea dan strategi dalam usaha mengurus perdanakan agenda transformasi digital negara.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada MAMPU, Persatuan Juru Analisis Sistem Sektor Awam (PERJASA) dan Malaysian National Computer Confederation (MNCC) di atas inisiatif menganjurkan Persidangan CIO untuk kali yang ke-9 pada hari ini. Majlis ini saya sifatkan sebagai begitu signifikan dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan melalui ICT.

3. Persidangan CIO menyediakan satu platform yang strategik kepada CIO-CIO yang

merupakan peneraju program-program ICT dari sektor awam dan swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan pihak industri untuk berkongsi amalan-amalan terbaik perniagaan, menganalisis trend-trend teknologi ICT terkini dan akan datang, berkongsi cabaran dan pengalaman bagi membentuk sinergi yang boleh diterjemahkan kepada lonjakan dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi rakyat dan stakeholders.

4. Saya yakin dan percaya persidangan ini akan menjadi wahana kepada pencetusan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif dalam dunia ICT dalam usaha mewujudkan sistem penyampaian yang berteraskan ketelusan, kemampanan dan keterangkuman. Elemen-elemen ini merupakan intisari kepada idea Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang telah saya ketengahkan.

5. Di bawah pendekatan Merakyatkan Perkhidmatan Awam, saya menyarankan penjawat awam supaya menyampaikan perkhidmatan dengan sebaik yang mungkin seolah-olah mereka memberi perkhidmatan kepada diri sendiri dan anggota keluarga. Merakyatkan Perkhidmatan Awam mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati aspirasi, kehendak dan piawaian rakyat.

6. Saya mengharapkan sinergi yang akan dihasilkan semasa persidangan ini akan menghasilkan idea-idea besar dan inisiatif-inisiatif bitara yang berimpak tinggi serta mempunyai sentuhan langsung atau touch point kepada rakyat. In coming up with these breakthrough ideas, it is critical to keep in mind a few key principles that define their viability, namely creativity of programme, speed of delivery, depth of impact and sustainability of change. These principles mark the cornerstone of the Blue Ocean Strategy that places value innovation at centre stage.

Ladies and Gentlemen,

7. Let me take this opportunity to welcome all Chief Information Officers from the public sector, Government-linked Companies and industry to this year's CIO Conference. In line with the Government's aspiration to see even greater collaboration between Government agencies and those in the industry, this Conference offers yet again, an excellent avenue for us to share new knowledge and best practices in ICT.

8. The meeting of minds and exchange of ideas through this Conference will enable us to synergise collaboration and unleash the full potential of ICT capacity within our agencies and corporations to benefit the nation as a whole. On that score, I would like to record our appreciation to all the keynote speakers and panelists who will pave the way for this exchange by leading the discussions during the Conference.

9. We live in a world characterised by dramatic economic, social and cultural change. Breakthrough trends, creative ideas and innovative practices have helped shape this new global scenario. Undoubtedly, it is the proliferation of new technology that has driven this rapid transformation by offering a plethora of opportunities that have revolutionised the way we live, work and play.

10. The optimisation of the Internet through its unfettered power has eliminated boundaries, making time and distance irrelevant. This opened the window to enhance the efficiency of public service delivery, one that is more befitting of 21st century needs.

11. The combination of mobility, cloud computing, social media and big data which forms

the key focus of this Conference, offers a new spectrum of opportunity for Government to elevate the level of service delivery to even greater heights. It is incumbent upon us now, to strategically leverage on the pervasive nature of technology to deliver round the clock through robust infrastructure as well as more effective and resilient systems, driven by passion to serve the people.

MENGUPAYAKAN INSTITUSI MENGEMUDI TEKNOLOGI

Hadirin yang saya hormati,

12. Perubahan dinamik persekitaran global menuntut penjawat awam untuk keluar dari kepompong keselesaan bagi mencabar status quo dan melahirkan inovasi yang benar-benar signifikan dan berimpak tinggi kepada Perkhidmatan Awam dan negara. Seluruh penjawat awam haruslah bersedia untuk merubah minda dan cara bekerja bagi memastikan penghasilan inovasi secara berterusan dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan selaras dengan pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” yang meletakkan keperluan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi.

13. Kedudukan daya saing negara pada kedudukan ke-25 di dalam Global Competitiveness Report 2012-2013 oleh World Economic Forum berbanding kedudukan ke-21 sebelumnya, telah menyedarkan kita betapa perlunya Sektor Awam melipatgandakan usaha bagi meningkatkan daya saing negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

14. Cabaran yang paling besar yang perlu kita hadapi hari ini ialah untuk memenuhi ekspektasi dan keperluan rakyat yang semakin meningkat. Justeru engagement dan musyawarah kini telah menjadi rules of the game dalam perancangan dasar dan pengurusan Kerajaan.

15. Perkhidmatan Awam perlu beralih daripada menyampaikan perkhidmatan berdasarkan konsep producer-dominated kepada perkhidmatan yang market-oriented, iaitu bersandarkan kepada ekspektasi rakyat. Perubahan ini menuntut transformasi dilaksanakan bukan sahaja ke atas sistem penyampaian Kerajaan malah yang lebih penting lagi ke atas pemikiran etos dan budaya perkhidmatan awam itu sendiri.

16. Persekitaran global dan tempatan yang dinamik menjadikan peranan CIO Sektor Awam lebih mencabar. Menurut kajian yang dibuat pada tahun 2010, 62.5 peratus rakyat Malaysia yang berumur antara 20 hingga 49 tahun adalah pengguna internet dan dijangka akan terus meningkat. Perkembangan ini adalah satu indikator terhadap keperluan rakyat mendapatkan perkhidmatan Kerajaan melalui mekanisme internet yang perlu diberi perhatian serius. Justeru, CIO perlu lebih peka dengan perkembangan semasa ini dan mengambil inisiatif untuk mengenal pasti perancangan yang sesuai bagi memenuhi kehendak baharu ini.

17. We must have the ability to explore, set new directions and leverage new technologies to improve existing business models and find innovative ways to strengthen the effectiveness of the Public Service.

NEXUS OF FORCES: CONVERGENCE OF CLOUD, MOBILITY, SOCIAL MEDIA AND BIG DATA

18. Landskap ICT masa kini diwarnai oleh fenomena komunikasi tanpa sempadan, jaringan

maklumat pelbagai hala yang merentasi benua serta ledakan pelbagai medium sosial. Sebagai respon strategik kepada fenomena ini, Chris Howard, Naib Presiden Gartner Inc. telah menampilkan gagasan “The Nexus Of Forces” yang menggabungkan empat komponen teknologi maklumat dan komunikasi iaitu “social media, mobile, cloud dan information” sebagai kuasa baharu teknologi masa hadapan.

19. “Nexus of Forces” telah membuka ruang baharu dalam teknologi ICT di mana komponen-komponen yang dahulunya bergerak secara berasingan kini telah disatukan untuk memperkasakan teknologi sedia ada bagi menghasilkan satu tolakan besar atau big push dalam penyampaian perkhidmatan.

20. Rakyat Malaysia pada hari ini mempunyai kesedaran yang begitu tinggi terhadap kepentingan evolusi ICT. Malah ICT telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup mereka. Penggunaan internet di negara ini misalnya telah mencecah 16.9 juta pada tahun 2010. Jumlah ini merupakan 66% daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Justeru, “Nexus of Forces” bakal menjadi platform baharu dalam menyemarakkan lagi penggunaan ICT.

INISIATIF-INISIATIF UTAMA KERAJAAN

Hadirin yang saya hormati,

21. Pelan Strategik ICT Sektor Awam menggariskan hala tuju penggunaan ICT secara pervasif dalam usaha meningkatkan daya saing negara. Antara inisiatif utama Kerajaan yang sedang dilaksanakan selaras dengan blueprint tersebut ialah Government Cloud Computing, Government Data Centre, Government Unified Communication, Service Intelligence, Digital Document Management System (DDMS), myMesyuarat dan myGov Mobile. Inisiatif-inisiatif ini juga merupakan projek permulaan atau entry point projects Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi atau NKEA di bawah Kandungan, Komunikasi Dan Infrastruktur dan NKEA Perkhidmatan Perniagaan. Inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian sasaran 90% penyediaan perkhidmatan secara online pada tahun 2015.

MENYELAMI DENYUT NADI RAKYAT, PERKHIDMATAN AWAM DIMARTABAT

YBhg. Datuk-Datuk dan Hadirin Sekalian,

22. Hari ini, kemunculan inisiatif seperti MySMS dan myGov Mobile telah membuka satu dimensi baharu dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Berurusan dengan pejabat Kerajaan kini lebih mudah dengan pelbagai perkhidmatan dapat dicapai melalui peranti elektronik pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

23. Pada majlis yang penuh berbahagia ini juga kita cukup bertuah kerana berkesempatan untuk menyaksikan dua lagi aplikasi MyGov Mobile iaitu MyHealth dan MyJAKIM yang akan turut dilancarkan selepas ini. myGov Mobile merupakan satu gerbang perkhidmatan mudah alih rasmi yang menghubungkan Kerajaan dengan rakyat secara terus.

24. Aplikasi MyHealth pula dibangunkan sebagai satu aplikasi mobile bagi membolehkan pelbagai maklumat kesihatan dicapai melalui telefon pintar. Antara maklumat yang boleh didapati adalah kemudahan kesihatan, semakan pengamal berdaftar, semakan produk berdaftar dan m-Denggi. Manakala aplikasi MyJakim pula ialah perkhidmatan semakan halal bagi restoran dan premis-premis makanan. Penyediaan aplikasi-aplikasi sedemikian jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan menyediakan maklumat-maklumat sangat diperlukan

dalam kehidupan seharian rakyat melalui pemanfaatan ICT.

25. Melalui kesungguhan kita semua mendakap iltizam ini, saya percaya hasrat kita untuk memperkasa dan menambahkan sebanyak 1,579 lagi inisiatif online kepada perkhidmatan yang sedia ada kini akan berjaya direalisasikan sekaligus meningkatkan pertumbuhan perkhidmatan online Kerajaan kepada 57.55 peratus menjelang berakhirnya tahun 2012 ini.

Hadirin sekalian,

26. Kejayaan kita untuk benar-benar mendekati dan merasai denyut nadi rakyat tidak akan tercapai tanpa keberanian kita untuk memanfaatkan seoptimum mungkin keupayaan luar biasa yang ada pada ICT.

27. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengajak semua pihak supaya memberi kerjasama dan sokongan untuk sama-sama menyahut cabaran dalam menjayakan inisiatif-inisiatif utama yang telah dirancang selaras dengan hala tuju strategik ICT.

CIO SEKTOR AWAM: MENGGALAS MISI, MENJULANG VISI

28. Majlis hari ini juga bakal menyaksikan pelancaran buku Meneruskan Momentum Transformasi: Kecemerlangan Perkhidmatan Awam Berteraskan CTI-PCI. CTI merupakan singkatan kepada Cepat, Tepat dan Integriti, manakala PCI pula merujuk kepada Productivity, Creativity dan Innovation. Prinsip CTI-PCI ini adalah cetusan aspirasi YAB Perdana Menteri yang perlu dihayati dan dibudayakan oleh penjawat awam.

29. Penegasan semula serta penghayatan terhadap nilai-nilai utama ini perlu menjadi satu trend pemikiran serta paradigma baharu seluruh penjawat awam dalam melaksanakan setiap amanah dan tanggungjawab. Semua prinsip utama ini menekankan nilai serta ciri perkhidmatan yang perlu dilaksanakan untuk melonjakkan penyampaian perkhidmatan awam melebihi aras kelaziman, seterusnya merealisasikan matlamat membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

30. Saya mengucapkan terima kasih kepada MAMPU di atas inisiatif menerbitkan buku ini. Saya percaya buku ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada seluruh penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan pihak lain yang berkepentingan.

31. Kita mestilah sentiasa terus berusaha tanpa jemu untuk memantapkan lagi keberhasilan sistem penyampaian Kerajaan yang akan menggembirakan semua pihak melalui kepekaan kita terhadap keperluan dan kehendak generasi masa kini yang lebih selesa dengan pendekatan ICT yang cepat, tangkas dan mudah.

32. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada MAMPU khususnya di atas kejayaan menganjurkan tiga signature events iaitu Perasmian Persidangan CIO, Hari Terbuka Transformasi Perkhidmatan Online & Infrastruktur ICT Sektor Awam, Pelancaran Buku CTI-PCI dan pelancaran MyGov Mobile pada hari yang penuh momentous lagi bermakna ini. Saya amat berharap agar para peserta dapat mengambil bahagian secara bermakna dan memanfaatkan hasil perbincangan bagi memastikan outcome yang lebih baik ke atas dasar, program dan projek ICT sektor awam di negara ini.

33. As ICT professionals and leaders in your respective organisations, I urge you to open up and share your honest thoughts, ideas, challenges and desires, towards achieving the transformation and infusion of ICT via public-private partnership. I welcome you to capitalise on this platform to explore the opportunities for improvement of service delivery, via digital empowerment of individuals and organisations.

34. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmaanir Rahim, saya merasmikan ketiga-tiga acara yang penuh bermakna pada pagi yang penuh sejahtera ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.